



Sains, Masyarakat

dan

AGAMA

66
H

MOHD YUSOFF HJ. OTHMAN

DISELENGGARAKAN OLEH

ABDUL SALAM YUSSOF



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Sains, Masyarakat dan *AGAMA*

MOHD YUSOFF HJ. OTHMAN

DISELENGGARAKAN OLEH

ABDUL SALAM YUSSOF

PUSTAKA PERDANA



1008566

PERDANA PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD



Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
 No. 1 & 3, Jalan 3 91A
 Taman Shamelin Perkasa Cheras
 56100 Kuala Lumpur
 Tel 03-92856577
 Fax 03-92846554 92875763
 e-mel. enquiry@upnd.com.my
 laman web. www.mybooks.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
 Terbitan Pertama 2009

Hak cipta terpelihara Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan dalam Penerbitan

Mohd Yusoff Hj Othman

Sains, masyarakat dan agama Mohd Yusoff Hj Othman

Bibliografi ms 269

ISBN 978-967-61 2207-0

1. Islam and science 2 Technology Religious aspects-Islam

I. Judul

297 266

Dicetak oleh
 VIVAR PRINTING SDN BHD
 Lot 25, Rawang Integrated Park
 48000 Rawang
 Selangor Darul Ehsan.

297 266
 10



PENGHARGAAN

Buku ini tidak mungkin dapat diterbitkan tanpa bantuan dan dorongan daripada pelbagai pihak, teman dan rakan dalam pelbagai bentuk sumbangan yang ketara dan tidak ketara. Sebahagian daripada mereka mengamanahkan kepada penulis untuk mengajar kursus Sejarah dan Falsafah Sains, dan Etika dalam Kegiatan Sains dan Teknologi di Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebahagian yang lain telah meminta penulis memberikan pandangan dalam penulisan kertas kerja dalam seminar, bengkel dan wacana di pelbagai peringkat. Yang lain pula meminta penulis menyampaikan ceramah dan pandangan dalam forum perdana, tetamu undangan, panel pengulas dan pelbagai wahana ilmu yang meminta pandangan penulis dalam isu-isu yang berhubung dengan agama, kemasyarakatan, kecemerlangan, integriti, modal insan; falsafah, konsep dan dasar fahaman sains dan teknologi, dan sebagainya, walhal mereka semua sedar yang penulis mempunyai latar belakang pendidikan sains dan teknologi khususnya fizik.

Ini semua membolehkan karya itu dihasilkan. Untuk itu penulis merakamkan sebanyak-banyak terima kasih.

Secara amnya penulis ingin merakam penghargaan kepada ahli Kumpulan Sejarah Falsafah Sains, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Institut Integriti Malaysia, TV3 dan RTM yang telah melibatkan penulis dalam pelbagai aktiviti mereka. Bilangan mereka terlalu ramai yang tidak dapat penulis abadikan dalam lembaran Penghargaan ini.

Secara khususnya, penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Dr. Abdul Salam Hj Yussof daripada Pusat Pengajian UKM yang telah mencadangkan agar manuskrip ini diterbitkan dengan pihak Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Begitu juga dengan semua ahli keluarga penulis yang secara langsung dan tidak langsung memberi dorongan kepada penulis dalam membangun kerjaya sebagai ahli akademik di UKM – Puan Hasnah (isteri); Siti Khadijah, Mohd Helmi, Mohd Taufiq, Mohd Firdaus, Mohd Anfal, Mohd Raihan dan Mohd Nuruddin (anak-anak); Sabri, Siti Maisarah dan Mas Izhana (menantu); Aresha Husna, Ifwat Muzakkeer dan Mardhiyyah Sofiyah (cucu).

Kepada semua mereka ini, semoga Allah SWT jua yang selayaknya memberikan ganjaran yang abadi buat mereka. Semoga penerbitan buku ini akan menambah khazanah ilmu buat tatapan kita semua.

KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Prakata	vii
Bab 1 Sains dan Teknologi dalam Sejarah	1
Bab 2 Sains Tanpa Agama – Buta dan Agama Tanpa Sains – Tempang	34
Bab 3 Apakah Sains?	50
Bab 4 Natijah Sains Barat	65
Bab 5 Natijah Saintisme	80
Bab 6 Pandangan Sarjana Islam Tentang Sains	98
Bab 7 Isu Sains dan Teknologi dari Perspektif Sarjana Islam	133

Bab 8	Bahasa dan Persuratan dalam Menjana Sains dan Teknologi	154
Bab 9	Dampak Sains dan Teknologi Kepada Masyarakat	183
Bab 10	Sains, Teknologi dan Kecerdasan Tauhid (TQ)	206
Bab 11	Pembangunan dan Alam Sekitar	225
Bab 12	Al-Quran dan Sains	246
Bibliografi		269

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan seru sekalian alam. Tuhan yang menjadikan alam ini begitu indah dan sempurna untuk diambil manfaatnya. Tuhan Yang Maha Berkuasa dan yang telah mengamanahkan manusia untuk menjadi khalifah-Nya dan sebagai pengurus dan pentadbir di bumi ini. Tuhan yang telah membekalkan manusia dengan segala potensi yang memungkinkan mereka untuk melaksanakan tugas mereka sebagai khalifah-Nya. Tuhan yang telah memberikan manusia kekuatan intelek yang membolehkan mereka berfikir; memberikan manusia keupayaan untuk beremosi yang memungkinkan mereka mencegah yang mungkar, dan merasai kenikmatan untuk melaksanakan makruf (kebaikan); Tuhan yang telah memberikan manusia Qalb yang memungkinkan mereka untuk mendapatkan maklumat, mencerakinkan dan memberi makna kepada maklumat yang mereka cerap; Tuhan yang membekalkan manusia dengan kekuatan Rohani yang membolehkan mereka beramal dengan segala sifat *mahmudah* dan menjauhi sifat *mazmumah*; dan Tuhan yang menjadikan bentuk fizikal manusia dengan sebaik-baik kejadian.

Selawat dan salam untuk Junjungan Besar Nabi yang Ummi, Muhammad SAW yang telah membimbing manusia untuk mengatur suatu kehidupan yang sempurna untuk

meletakkan diri mereka sebagai khalifah Allah SWT yang seutuhnya di bumi ini. Yang telah menjadi contoh dan teladan yang sebaik-baiknya kepada seluruh makhluk di alam ini. Yang berjaya meletakkan gagasan hidup manusia agar segala amalan mereka ditujukan hanya semata-mata kepada Allah SWT, dan segala pengharapan manusia hanyalah kepada Allah SWT, dan agar manusia menjadi hamba Allah SWT yang benar-benar bertakwa kepada-Nya, dan agar manusia memperoleh jati diri dan kemuliaan yang sebenarnya.

Dengan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah kami persembahkan buku ini kepada para pembaca yang budiman dengan harapan para pembaca akan memperoleh manfaat daripadanya. Buku ini ditulis, semata-mata mengharapkan keredaan Allah SWT agar kita dapat melihat kebaikan keseluruhan potensi yang diberikan Allah SWT kepada kita, yang membolehkan kita menggunakan sepenuhnya potensi yang Allah SWT bekalkan ini kepada kita semua, kemudiannya mengambil manfaat atas segala apa yang telah disediakan Allah SWT kepada kita dengan penuh tanggungjawab dan rasa penuh kesyukuran.

Buku ini merupakan cetusan pemikiran penulis berdasarkan kepada beberapa rencana terdahulunya yang pernah diamanahkan kepada penulis untuk mengupas dan menganalisisnya. Rencana asalnya ditulis berdasarkan kepada nota kuliah untuk kursus Sejarah dan Falsafah Sains dan Etika dalam kegiatan sains dan teknologi yang disediakan dan disajikan untuk pelajar di Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Nota tersebut telah dikembangkan menjadi rencana untuk International Conference on Mathematical Sciences ICMO'07 - Integrating Mathematical Sciences within Society, yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian sains Matematik, UKM dengan kerjasama Persatuan Matematik Malaysia pada 28-29 Disember 2007; Seminar Perkembangan Islam Nusantara bersempena dengan Pe-